

**TEKS UCAPAN
NAIB CANSOLOR
SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM BAGI
MERAIKAN KEJAYAAN
PENYELIDIK UniMAP
10 JULAI 2007
OCEAN GLOW PUTRA BRASMANA, KUALA PERLIS**

Bismillah Hirrahman Nirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam
Sejahtera.

Yang Dihormati, saudara pengerusi majlis

Yang Berbahagia, Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib
Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) UniMAP,

Yang Berusaha, Prof. Madya Dr. Uda Hashim, Dekan Unit Penyelidikan
& Pembangunan

Pegawai-Pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan dan ketua-ketua
jabatan, serta warga penyelidik UniMAP yang dihormati sekalian

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah kurnianya dapat kita
bersama – sama menghadirkan diri ke Majlis Makan Malam Bagi
Meraikan Kejayaan Penyedik Unimap yang julung – julung kali diadakan
di Universiti yang kita cintai ini.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak
terhingga kepada Prof. Madya Dr. Uda Hashim serta warga Unit
Penyelidikan & Pembangunan kerana berjaya menganjurkan majlis
seumpama ini bagi mengenang jasa para penyelidik UniMAP, syabas
saya ucapkan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Penyelidikan bukanlah suatu perkara yang asing buat kita semua di universiti ini. Ianya umpama aur dengan tebing, dimana penyelidikan merupakan asas dalam penubuhan Universiti ini. Bersesuaian dengan objektif majlis kita pada malam ini dimana majlis ini diadakan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada penyelidik agar dapat menghasilkan produk – produk yang lebih bermutu dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Apa yang penting budaya penyelidikan harus diterap bagi menjana penyelidikan UniMAP dimasa hadapan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pada hari ini kita dapat melihat UniMAP telah berkembang dengan drastiknya dimana, menerusi pertandingan penyelidikan, kejayaan demi kejayaan telah kita perolehi. Sebagai contoh pada pertandingan Malaysia Technology Expo, MTE kita telah memenangi 3 pingat iaitu 1 emas, 1 perak dan 1 gangsa. Selain itu, pada Pameran ITEX yang diadakan pada 18 – 20 Mei 2007 baru – baru ini, kita telah berjaya merangkul 6 emas, 11 perak dan 9 gangsa dan UniMAP merupakan diantara universiti terbaik di dalam pungutan pingat. Di samping itu, kita juga mendapat anugerah Pingat Emas untuk Booth terbaik di dalam pertandingan tersebut.

UniMAP bukan sahaja hebat di gelanggang sendiri, malah kita telah membuktikan kemampuan kita di persada antarabangsa iaitu dengan memenangi 1 emas, 1 perak dan 2 gangsa dalam pertandingan di Geneva pada 18 – 22 April 2007. Tidak ketinggalan dua lagi pameran iaitu di Pittsburgs USA dan WARSAW di Poland yang masing-masing memenangi pingat perak dan emas. Syabas kita ucapkan kepada mereka yang telah mengharumkan nama Universiti Malaysia Perlis

Hadirin dan hadirat sekalian,

Di dalam permohonan geran penyelidikan pula, UniMAP merupakan salah sebuah universiti yang memperolehi perolehan geran yang tertinggi jika dibandingkan dengan Universiti Teknikal yang lain. Didalam kitaran pertama bagi Geran FRGS, kita telah memperolehi sebanyak RM 1.6 juta yang mewakili 70 orang penyelidik. Bagi geran ScienceFund pula di dalam kitaran pertama sebanyak 8 orang penyelidik telah berjaya yang jumlah keseluruhannya sebanyak RM 1.4 juta. Untuk pengetahuan para penyelidik kita masih menunggu surat rasmi daripada KPT serta MOSTI bagi geran FRGS dan juga ScienceFund kitaran kedua. Saya merasakan akan berlaku peningkatan berdasarkan komitmen yang ditunjukkan oleh setiap penyelidik didalam penghantaran borang permohonan bagi mendapatkan geran tersebut. Harapan saya kepada semua para penyelidik agar semangat untuk menghasilkan penyelidikan semakin hari semakin meningkat, bukannya terhenti setakat ini sahaja.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas kepada para penyelidik UniMAP yang mempunyai semangat berdaya saing di dalam menghasilkan produk – produk yang bermutu tinggi yang bukan sahaja mendapat pengiktirafan dari negara kita sendiri, malahan dari negara luar. Ini membuktikan bahawa UniMAP mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan Universiti – universiti yang telah lama bertapak di negara ini.

Saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Sekian terima kasih.